

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL  
(PENDANG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 16.11.2015**

**Y.B. DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL [ PENDANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil ke atas syarikat-syarikat yang tidak menghantar penyata pungutan GST setiap bulan. Berapa banyak syarikat yang telah diambil tindakan sehingga kini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sekiranya orang berdaftar gagal menghantar penyata GST-03 mengikut tempoh ditetapkan, notis tuntutan

taksiran cukai akan dijana oleh sistem berdasarkan taksiran cukai secara automatik (auto assessment) seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 43 Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014.

Sehingga 9 November 2015, sebanyak 26,963 notis tuntutan telah dikeluarkan kepada orang berdaftar GST yang gagal mengemukakan penyata dan membuat bayaran terhadap amaun yang telah ditaksir. Daripada jumlah ini, sebanyak 11,106 notis iaitu lebih kurang 41.2% telah selesai dan bakinya di dalam proses pengemaskinian rekod tuntutan. Pada masa ini, pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia sedang mengambil tindakan gesaan selaras dengan peruntukkan tuntutan hutang dari orang berhutang.